

PM terima sambutan negara di Istana Bogor

BH - 10/1/2023

m/s: 2

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Joko Widodo semalam menyaksikan penyerahan 11 surat hasrat (LoI) 10 syarikat Malaysia untuk menyertai pembangunan ibu kota negara (IKN) Nusantara, iaitu ibu negara baharu Indonesia.

Ia diserahkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz kepada Pengerusi Lembaga Pihak Berkuasa IKN Nusantara, Bambang Susantono.

Majlis itu berlangsung di Istana Bogor, di sini semalam, sempena lawatan dua hari Anwar ke Indonesia, lawatan pertama beliau ke luar negara selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), tahun lalu.

Hadir sama di Istana Bogor ialah Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Besar Selangor, Amiruddin Shari; Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Amran Mohamed Zin dan Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia,

Azlan Mohd Shaffieq.

Terdahulu Perdana Menteri diberikan sambutan negara di Istana Bogor.

Beliau disambut Jokowi sejujur tiba di halaman depan diikuti lagu kebangsaan Negaraku dan Indonesia Raya, disusuli 19 das tembakan penghormatan.

Ia disusuli pemeriksaan barisan kehormat dan memperkenalkan delegasi Indonesia oleh Jokowi dan delegasi Malaysia oleh Perdana Menteri.

Acara ini disiarkan secara langsung menerusi YouTube Se-

kretariat Presiden dan siaran televisyen tempatan.

Selepas sesi bergambar, Anwar menandatangani buku pelawat di Dewan Teratai, diikuti acara menanam pokok Merawan atau Hopea odorata, di halaman belakang istana.

Jokowi kemudian membawa Anwar melawat sekitar istana dalam Kebun Raya Bogor. Kebun seluas 87 hektar itu memiliki lebih 15,000 spesies pokok serta tumbuhan.

Usia Kebun Raya Bogor sudah mencecah 205 tahun, sekali gus

menjadi antara taman botani tertua di dunia. Kebun Raya Bogor juga mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Jokowi dan Anwar kemudian beredar untuk acara Sembang Beranda atau 'Veranda Talk' di beranda Istana Bogor.

Sembang Beranda adalah suatu tradisi yang diperkenalkan Jokowi untuk tetamu negara yang penting dan rapat dengan negara itu.